

**SEKOLAH PENGAJIAN SISWAZAH
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**


**PERTUKARAN PENDAFTARAN DARIPADA SARJANA KE
DOKTOR FALSAFAH**

(Lulus oleh Mesyuarat JAPSU Bil. 4/2004/2005 pada 27 Oktober 2004)

OKTOBER 2004

PROSEDUR PERTUKARAN PENDAFTARAN DARIPADA SARJANA KE DOKTOR FALSAFAH

Prosedur 1: Selepas penilaian peringkat pertama
Prosedur 2: Sebelum penilaian peringkat pertama



PERTUKARAN PENDAFTARAN DARIPADA SARJANA KE DOKTOR FALSAFAH

1.0 Syarat

- i. Calon mestilah sekurang-kurangnya memperoleh CPA 3.00 atau Ijazah Kelas II Tinggi bagi ijazah sarjana muda.
- ii. Telah membentangkan sekurang-kurangnya dua (2) kertas kerja di persidangan.
- iii. Perlu mendapat sokongan kuat ditulis daripada Penyelia.
- iv. Permohonan hanya boleh dibuat pada semester kedua pengajian sahaja atau antara 9 ke 12 bulan pengajian.
- v. Permohonan hanya boleh dibuat sekali sahaja.

2.0 Prosedur permohonan

2.1 Prosedur 1 (Bagi calon yang telah melalui penilaian peringkat pertama)

- i. Calon telah melalui penilaian penyelidikan peringkat pertama.
- ii. Calon menghantar permohonan pertukaran pendaftaran daripada Sarjana ke Doktor Falsafah kepada JKPS fakulti dengan sokongan penyelia. Sokongan penyelia hendaklah dibuat secara bertulis. Calon perlu menghantar empat (4) salinan laporan lengkap (*comprehensive report*) merangkumi cadangan penyelidikan dan kemajuan penyelidikan kepada SPS. Laporan ini mestilah mendapat pengesahan penyelia.
- iii. JKPS fakulti akan menyemak kelayakan minimum pemohon telah dipenuhi dan mencadangkan nama ahli panel penilai dan mangajukannya kepada SPS.
- iv. SPS akan melantik Panel Penilai.
- v. Pembentangan oleh calon dihadapan Panel Penilai akan diuruskan oleh Fakulti.
- vi. Panel Penilai akan membuat laporan dan perakuan menyokong atau tidak permohonan calon dan dikemukakan kepada SPS.
- vii. SPS membawa perakuan Panel Penilai ke mesyuarat JAPSU untuk pengesahan.

- viii. Pertukaran program daripada Sarjana ke Doktor Falsafah (jika diluluskan), akan bermula pada semester ketiga pengajian.
- ix. Tempoh pengajian akan dikira bermula dari tarikh pendaftaran pertama.

2.2 Prosedur 2 (Bagi calon yang belum melalui penilaian peringkat pertama)

- i. Atas cadangan dan sokongan penyelia, calon menghantar permohonan pertukaran pendaftaran daripada Sarjana ke Doktor Falsafah kepada JKPS fakulti. Sokongan penyelia hendaklah dibuat secara bertulis. Calon perlu menghantar empat (4) salinan laporan lengkap (*comprehensive report*) merangkumi cadangan penyelidikan dan kemajuan penyelidikan kepada SPS. Laporan ini mestilah mendapat pengesahan penyelia.
- ii. JKPS fakulti akan menyemak kelayakan minimum pemohon telah dipenuhi dan mencadangkan nama ahli panel penilai dan mangajukannya kepada SPS.
- iii. SPS akan melantik Panel Penilai.
- iv. Pembentangan oleh calon dihadapan Panel Penilai akan diuruskan oleh Fakulti.
- v. Panel Penilai akan membuat laporan dan perakuan menyokong atau tidak permohonan calon dan dikemukakan kepada SPS.
- vi. SPS membawa perakuan Panel Penilai ke mesyuarat JAPSU untuk pengesahan.
- vii. Pertukaran program daripada Sarjana ke Doktor Falsafah (jika diluluskan), akan bermula pada semester ketiga pengajian.
- viii. Tempoh pengajian akan dikira bermula dari tarikh pendaftaran pertama.

3.0 Keahlian Panel penilai

Keahlian Panel Penilai terdiri daripada;

- a. Pengerusi JKPS fakulti atau wakil
- b. Dua (2) ahli yang dilantik daripada kalangan pakar bidang
- c. Penyelia (Penyelia hanya boleh memberi pandangan terhadap permohonan calon tetapi tidak terlibat dalam membuat keputusan)

4.0 Asas Pertimbangan Panel Penilai

4.1 Panel Penilai perlu mengambilkira beberapa kriteria dalam menilai hasil kerja pelajar:

- a. takrifan masalah;
- b. skop cadangan tesis;
- c. methodologi
- d. sumbangan kepada ilmu;
- e. pencapaian calon;
- f. tempoh masa yang telah digunakan;
- g. kebolehan calon menjalankan penyelidikan secara bersendirian;
- h. perancangan kerja.

Perkara (a) – (e) mesti dijangkakan mencapai tahap penyelidikan peringkat PhD.

4.2 Laporan Lengkap Pertukaran calon mestilah dengan jelas menyeneraikan skop asal cadangan tesis (sarjana), skop kerja yang telah diselesaikan dan skop cadangan yang baru untuk tahap PhD.

4.3 Laporan Lengkap Pertukaran calon juga perlu membuktikan pencapaian penyelidikan beliau adalah cemerlang. Pencapaian ini termasuklah hasil kajian yang telah dilakukan yang menunjukkan hasil yang signifikan dan boleh diterbitkan.

4.4 Penyelia perlu membuat laporan yang menyokong sokongan dengan jelas menyatakan asas-asas sokongan. Segala hasil kerja yang telah dilakukan oleh calon perlu dikemukakan dengan bukti yang nyata.

4.4 Panel Penilai akan memberi perhatian terhadap

- (i) hasil kerja yang telah dilakukan dan menilai hasil tersebut samada boleh diterbitkan dalam dua persidangan.
- (ii) keupayaan calon boleh menyelesaikan pengajian peringkat PhD dengan jayanya.